

26/09/2001

Rakyat Sarawak perlu elak jadi mangsa politik kotor

Misiah Taib

"SAMPAIKAN mesej jelas kepada pembangkang, bahawa kehadiran mereka dan budaya kotor mereka, tidak dikehendaki di Sarawak". Itulah pesanan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada pengundi di negeri itu, yang akan keluar mengundi dalam pilihan raya negeri kelapan, esok (27 September).

"Eloklah pilihan raya ini dijadikan kali terakhir mereka (pembangkang) dibenarkan oleh rakyat Sarawak, bertanding di Sarawak," kata Perdana Menteri.

Lawatan sehari Pengerusi Barisan Nasional (BN) ke Sarawak kelmarin, iaitu tiga hari menjelang hari pengundian, membawa pesanan dan amanat besar kepada lebih 2 juta penduduk di Bumi Kenyalang, khususnya 815,932 pengundi yang akan membuang undi esok.

Apakah ini kali terakhir Pas dan Keadilan akan bertanding di Sarawak?. Ini kerana mesej yang disampaikan pucuk pimpinan negara itu sudah cukup jelas dan rakyat Sarawak yang akan menentukan nasib dua parti pembangkang berpangkalan di Semenanjung itu esok.

Apakah dua parti berpangkalan di Semenanjung itu akan terus mencuba nasib dalam pilihan raya Sarawak, jika kali ini rakyat di negeri itu menolak kedatangan mereka?

Umpama pesanan bapa kepada anak, apa yang disuarakan pucuk pimpinan negara ini, seharusnya diberikan perhatian serius oleh pengundi di Sarawak, yang akan menentukan sendiri nasib serta masa depan mereka, sekurang-kurangnya untuk lima tahun lagi.

Menurut Perdana Menteri, pembangkang yang bertanding dalam pilihan raya kali ini tidak pun meletakkan jumlah calon yang cukup untuk mendirikan kerajaan, namun mereka sanggup membuat bermacam janji, kononnya mahu bersihkan Sarawak dan hendak memperbaiki Sarawak.

"Tetapi tiap parti (pembangkang yang bertanding) tidak pun mempunyai cukup calon untuk menguasai satu bahagian pun dalam pilihan raya Sarawak ini.

"Pas meletak cuma tiga orang calon, tapi nak memerintah Sarawak. Parti Keadilan pula kutip macam-macam orang yang dibuang oleh parti lain.

"Orang macam inilah dipilih oleh Keadilan untuk jadi calon. Mereka adalah orang yang kecewa kerana tak dapat tempat, bukan kerana sumbangan yang baik, tapi kerana kecewa tak diberi tempat dalam BN," kata beliau ketika Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Stadium Perpaduan, Petra Jaya, Kuching.

Dr Mahathir yakin penduduk Sarawak tidak bodoh untuk menilai sendiri perkara ini dan sewenang-wenangnya mempercayai pembangkang yang tak mampu pun mengumpul jumlah calon yang cukup untuk bertanding bagi mendirikan kerajaan.

Sepatutnya kata beliau, pembangkang mempunyai sekurang-kurangnya 32 calon (Sarawak mempunyai 62 kerusi Dewan Undangan Negeri) jika mahu membentuk kerajaan.

Apa yang ada dalam pilihan raya Sarawak sekarang kata Perdana Menteri, hanya calon Bebas yang tak ada kerja lain, selain membenarkan diri mereka dicalonkan, dengan harapan orang lain akan bayar duit kepada mereka supaya tidak bertanding.

"Inilah jenis orang yang nak berlawan dengan BN. Kita bukan nak tepuk dada, kita bukan sombong, kita sanggup berlawan dalam pilihan raya, tetapi janganlah pilih orang yang semacam ini untuk jadi calon.

"Mereka (pembangkang) cakap besar, nak buat itu, nak buat ini, tapi

tidak pun mempunyai bilangan calon yang cukup untuk mendirikan kerajaan," katanya.

Selain Pas hanya bertanding di tiga kerusi, Keadilan hanya meletak 25 calon untuk bertanding pada pilihan raya ini. DAP yang telah mengisytiharkan keluar dari pakatan pembangkang pula, meletakkan calon di 13 kawasan.

Calon paling ramai mewarnai pilihan raya Sarawak kali ini ialah calon Bebas, seramai 63 orang dan sebahagian besar dikatakan `rangkaian calon Bebas Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha'.

Pemimpin negara sendiri telah meletakkan keyakinan tinggi kepada rakyat Sarawak, supaya mereka tidak mudah terpengaruh dengan dakwah pembangkang, terutama mereka yang cuba membawa budaya buruk dan politik kasar menyeberangi Laut China Selatan, dari Semenanjung ke Sarawak.

Barisan pembangkang katanya, adalah mereka yang mendakwa diri mereka sebagai barisan alternatif dan kini sudah tidak lagi sepakat serta membawa haluan masing-masing, namun bercita-cita mahu menggantikan kerajaan BN.

Sepatutnya kata beliau, mereka ini tidak datang ke Sarawak setelah perjuangan mereka ditolak rakyat di Semenanjung.

"Tetapi parti Pas, Keadilan dan DAP cuma datang untuk mengacau di Sarawak ini. Apa yang amat menyedihkan ialah budaya buruk yang dibawa oleh mereka ini ke Sarawak.

"Kalau dahulu, rakyat Sarawak menghadapi pilihan raya dalam suasana yang tenang, apabila datangnya parti Pas dan Keadilan, mereka membawa cara yang amat kotor dan buruk, untuk menakutkan rakyat Sarawak supaya tidak keluar mengundi dan tidak memilih BN," katanya.

BN kata Perdana Menteri, mempunyai rancangan yang besar untuk pembangunan negara, untuk pembangunan Sarawak, selari dengan hasrat ke arah mencapai Wawasan 2020.

Sebenarnya dunia sememangnya kagum dengan kemajuan Malaysia dan ramai pemimpin negara yang lain, negara dunia ketiga, yang berduyun-duyun datang ke Malaysia untuk melihat pembangunan di Malaysia dan mahu belajar daripada Malaysia.

Ramai daripada negara asing meminjam pakar dari negara ini untuk membantu membangunkan negara mereka.

Justeru Dr Mahathir kesal ada pihak di dalam negara ini sendiri tidak menghargai pencapaian negara, sehingga mahu menumbangkan kerajaan sedia ada.

Parti Pas kata beliau, kononnya ingin mendirikan negara Islam dan oleh kerana Pas nak mendirikan negara Islam, mereka bergaduh dengan DAP.

Pas katanya, sengaja mahu mengapi-apikan semangat ekstrim Islam dengan mendakwa Malaysia ini tidak Islam dan ramailah penyokongnya marah, kerana kerajaan kita kononnya tidak Islam.

Oleh kerana kemarahan pengikut Pas ini kata Dr Mahathir, mereka sanggup pergi ke luar negara untuk dilatih menjadi pengganas. Sekarang ini mereka sudah balik ke tanah air dengan tujuan untuk menjatuhkan kerajaan BN dengan menggunakan kekerasan menggunakan senjata.

Mereka katanya, sanggup menghalalkan benda yang haram, umpama mereka kata, menyamun bank adalah halal, kerana bank memberi pinjaman dengan mengenakan faedah.

"Oleh itu duit bank itu adalah duit haram dan mereka boleh menyamun bank dan mereka cubalah menyamun bank di Kuala Lumpur. Malang bagi mereka, dalam usaha mereka menyamun bank, mereka telah ditembak pegawai keselamatan bank, seorang daripada mereka terbunuh.

"Seorang lagi cedera dan ditangkap oleh pihak polis dan daripada orang ini kita dapat tahu bahawa mereka telah mendirikan satu kumpulan pengganas, Mujahiddin kata mereka.

"Kononnya pengganas yang ingin menjatuhkan kerajaan ini dengan cara

kekerasan. Sekarang ini semua daripada mereka sudah pun ditangkap dan dimasukkan dalam tahanan ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri)," katanya.

Menurut Perdana Menteri, apabila orang seperti ini dimasukkan ke dalam tahanan mengikut ISA, ramai dunia luar mengutuk kononnya ini adalah sesuatu yang tidak adil.

Tetapi hari ini, orang yang mengutuk Malaysia, kerana memasukkan orang ini dalam tahanan tanpa bicara sebagai tidak adil, mereka jugalah yang merancang untuk memasukkan dalam tahanan, pegganas yang mereka tangkap tanpa bicara juga.

"Jadi nampaknya kita yang lebih betul daripada mereka. Benda yang mereka kata salah dulu, sekarang ini mereka akan lakukan dan alasan mereka ialah kerana orang ini adalah pegganas.

"Tetapi apabila kita memasukkan dalam tahanan pegganas ini, dahulu mereka kata tidak adil. Saya percaya hari ini mereka akan berkata, ini adalah satu cara yang sungguh adil.

"Ini kerana kita utamakan keselamatan negara kita, keselamatan rakyat kita. Kita tidak suka kepada pegganas di mana juga mereka bertindak, sama ada dalam negara kita atau di luar negara kita," kata beliau.

Pegganas menurut Dr Mahathir, mesti diburu dan mesti di masukkan dalam tahanan, tetapi biarlah hanya pegganas saja yang dimasukkan dalam tahanan dan jangan pula orang yang tidak bersalah didera dan di bunuh dalam usaha untuk menangkap pegganas ini.

Inilah kata beliau, pendirian Malaysia yang mahu melihat bukan saja negara ini aman, malah ingin melihat dunia juga aman.

Dalam masa sama katanya, janganlah sesiapa memburukkan negara ini dengan mengatakan bahawa usaha Malaysia untuk menyelamatkan rakyatnya sebagai tidak adil.

"Memang mudah berkata kita (Malaysia) tidak adil, apabila perbuatan itu tidak kena kepada batang hidung sendiri. Bila kena diri sendiri yang tidak adil, boleh jadi adil semula.

"Sebab itulah jangan percaya orang yang bercakap mengenai keadilan, yang menamakan parti mereka Keadilan," katanya.

Bagi Keadilan kata beliau, kalau orang lain yang melakukan sesuatu jenayah mereka patut dihukum, tetapi bila pemimpin mereka melakukan jenayah sama, itu tidak patut dikenakan apa-apa tindakan.

Inilah katanya, keadilan mereka dan sebab itulah rakyat Malaysia, termasuk di Sarawak tidak boleh percaya orang yang menggunakan perkataan 'keadilan'.

"Apabila orang ini bercakap mengenai keadilan, percayalah mereka tidak adil sama sekali. Jangan pilih orang yang seperti ini kerana kita akan tertipu.

"Mereka bukan parti yang membawa keadilan. Mereka adalah parti yang mempunyai tujuan satu saja, iaitu nak mencari kebebasan bagi pemimpin mereka sahaja," katanya.

Pengerusi BN itu tidak mahu Sarawak menjadi mangsa kepada perjuangan yang tidak ada kena mengena sama sekali dengan negeri Sarawak sendiri.

BN kata beliau, yang mengandungi 13 parti, mewakili suara semua kaum dan dengan suara yang seimbang, mereka dapat menyuarakan segala rintihan kaum masing-masing.

Tidak ada kaum akan berasa tertindas di bawah panji BN kerana mereka mempunyai suara sama dalam kerajaan, baik pada peringkat negeri, mahu pun pada peringkat Pusat.

"Kita memberi peluang bersuara kepada semua kaum, memberi hak kepada semua kaum, memberi pertimbangan kepada pendapat semua kaum. Sebab itulah Malaysia ini aman, walaupun penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum," katanya.

Menurut beliau, BN akan membenarkan DAP menyimpan roketnya dan Pas pula

menyimpan Harakahnya, tetapi tidak ada tempat bagi mereka dalam Dewan Undangan Negeri atau pun Dewan Rakyat.

Perdana Menteri bagaimana pun yakin pengundi di Sarawak tidak mudah ditipu oleh parti pembangkang, yang kononnya mempunyai barisan alternatif tetapi barisan itu sudah berkecai, tidak ada lagi barisan, berlawan sesama mereka dan saling menipu antara satu sama lain.

"Inilah barisan yang didirikan parti lawan. Sebab itulah pada 27 Sepetember ini, saya ingin meminta semua pengundi di Sarawak, supaya keluar beramai-ramai dan undilah Barisan Nasional," katanya.

Permintaan Perdana Menteri itu rasanya bukanlah suatu yang berat dan sukar ditunaikan oleh penduduk Sarawak, kerana mereka sudah pun berbuat demikian pada Pilihan Raya Umum (Parlimen) 1999, dengan menolak semua 13 calon Keadilan, tujuh calon DAP, Pas (1), Parti Reformasi Negeri Sarawak (4) dan Bebas (12), sekali gus membolehkan BN menguasai semua 28 kerusi yang dipertandingkan.

Mungkin pada pilihan raya ini rakyat Sarawak boleh memberi satu pengajaran baru kepada parti pembangkang dan pihak yang sekadar mencuba nasib dengan menggunakan tiket Bebas, agar menjadi serik dan tidak akan lagi menampilkan diri dalam pilihan raya akan datang.

(END)